

7.2

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 22 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Penjara Malaysia, Agensi Pertahanan Awam, Angkatan Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Pendaftaran Negara yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC), petugas-petugas media, petugas-petugas kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan serta anggota-anggota sukarelawan polis yang bertugas ketika pilihan raya umum yang telah berdaftar sebagai pengundi pos setakat ini dan bilakah tarikh tutup pendaftaran bagi kategori-kategori tersebut.

13

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota-anggota sembilan (9) Jabatan/Agensi yang akan terlibat dengan pengundian secara pos ini hanya dapat diketahui secara tepat setelah permohonan itu dibuka dan diterima. SPR akan menyemak semua permohonan undi pos itu bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja sebagaimana dalam warta diberi kemudahan pengundian pos. Tarikh tutup permohonan undi pos bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah lima (5) hari sebelum hari penamaan calon.

Sekian, terima kasih.